

Sarapan Jumaat@FPEP 3.0: Ke Arah Penambahbaikan Kebajikan Pelajar di UMS

Wijaya Kamal Bin Ramlan

Rebecca Anak Merai

Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan

Universiti Malaysia Sabah

Program Sarapan Jumaat@FPEP 3.0 telah diadakan pada 22 November 2024-20 Disember 2024 baru-baru ini. Program ini merupakan kerjasama di antara Kelab Ekonomi Perancangan dan Pembangunan, Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah dengan kerjasama Pusat Islam UMS, Persatuan Mahasiswa Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (PMPEP) dan Kelab Pengurusan Hospitaliti FPEP UMS. Program yang dijalankan selama lebih kurang sebulan ini dilaksanakan pada setiap hari Jumaat dan berjalan di dua lokasi berbeza secara serentak iaitu di FPEP dan juga Pusat Islam UMS. Serahan sarapan pagi ini diberikan kepada pelajar-pelajar di UMS dan juga kanak-kanak di Pusat KAFA UMS. Terdahulu di dalam ucapan perasmian penutupan program yang disampaikan oleh Prof Madya Dr Mohd Rahimie Abd Karim, Dekan FPEP UMS menyatakan program seumpama ini merupakan program yang baik di samping membantu pelajar yang kurang berkemampuan, ia juga mendidik pelajar untuk lebih peka di dalam pengambilan sarapan pagi sebelum menghadiri kuliah atau melakukan aktiviti harian. Manakala wakil Pusat Islam UMS, Puan Noorisah Taljid di dalam ucapan beliau menyatakan kerjasama ini merupakan satu kolaborasi yang baik di antara FPEP dan Pusat Islam UMS. Di Pusat Islam, kami juga banyak menggerakkan aktiviti sumbangan dan bantuan kepada pelajar UMS melalui pembangunan Dapur Rahmah dan kami juga turut menggalakkan pelajar yang terlibat di dalam program ini boleh terlibat sama di Dapur Rahmah selepas ini, katanya.

